

# Itali rakan strategik penting Malaysia di benua Eropah

UTUSAN MALAYSIA

03 JUL 2025

M/S: 3

Oleh ASLINDA NASIR  
aslinda.nasir@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Kerajaan akan meneruskan usaha bagi melebarkan jaringan yang boleh diterokai bagi memberi nilai tambah pada negara, kali ini menerusi komitmen bersama pihak Itali.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dalam rangka lawatan kerja selama tiga hari ke negara itu, beliau yakin rangkaian pertemuan itu dapat memacu perdagangan dan membuka limpahan peluang baharu demi kesejahteraan rakyat Malaysia serta seluruh warga ASEAN.

“Kunjungan ini terjelma atas empunan rakan sejawat saya, Perdana Menteri Giorgia Meloni lantas mencerminkan komitmen bersama untuk memperkukuh hubungan dua hala yang telah lama terjalin antara Malaysia dan Itali berteraskan prinsip serta semangat persahabatan, keyakinan dan saling hormat.

“Malaysia melihat Itali sebagai rakan strategik penting di benua Eropah dan kita komited untuk memperluas kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan, industri pertahanan serta sektor peralihan tenaga,” katanya.

Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, jelasnya lagi, kunjungan tersebut akan dapat memperkukuh nilai pada sisi rubungan rantau Asia Tenggara dan Eropah dalam landskap geopolitik dan geoekonomi yang terus mencabar.



**ANWAR** Ibrahim berjabat tangan dengan Timbalan Perdana Menteri Itali, Antonia Tajani yang juga Menteri Luar ketika menerima kunjungan hormat di Rom, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

“Saya yakin lawatan ini akan membuka lembaran baharu yang lebih dinamik, menghasilkan manfaat yang konkrit serta melonjak hubungan Malaysia dan Itali ke tingkat yang cemerlang dan terbaik,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menyaranankan Diaspora Malaysia luar negara memainkan peranan sebagai duta kecil di persada antarabangsa bagi merebut peluang untuk memperkukuh ilmu, kemahiran serta jaringan.

Katanya, pendekatan itu membolehkan mereka menyumbang kembali kepada

negara.

“Dalam pertemuan penuh makna ini, saya mengambil kesempatan untuk berkongsi pelbagai usaha, dasar dan inisiatif Kerajaan Madani dalam memperjuangkan kebajikan rakyat serta hala tuju masa depan negara.

“Saya tegaskan bahawa diaspora Malaysia merupakan aset penting sebagai duta kecil yang membawa nama negara di persada antarabangsa. Justeru, saya titipkan pesan agar mereka terus merebut setiap peluang dan ruang untuk memperkukuh ilmu, kemahiran dan jaringan,

demi menyumbang semula kepada tanah air,” katanya.

Lebih 50 rakyat Malaysia yang menetap di Itali hadir majlis tersebut. Turut serta Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

Selain itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin turut hadir dalam program yang sama.